

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HMT 321 – Semantik Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH [10]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Jawab soalan Bahagian A dan **SATU [1]** soalan daripada setiap Bahagian B, C dan D.

BAHAGIAN A

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan jenis-jenis utama yang berikut:
 - [a] *pertentangan leksikal*
 - [b] *ketaksaan makna*

[25 markah]

BAHAGIAN B

2. Bolehkah **kehomoniman** dibezakan daripada **polisemii**? Sekiranya ya, bagaimana? Sekiranya tidak, mengapa tidak?
3. Bincangkan kelebihan dan kekurangan **analisis komponen makna**.

4. Apakah ciri-ciri asas **kehiponiman**? Bincangkan dengan contoh-contoh.

[25 markah]

BAHAGIAN C

5. Apakah perbezaan utama antara makna **ayat** dan **ungkapan**? Bincangkan dengan contoh-contoh.
6. Apakah yang Lyons (1966: 154) maksudkan dengan “**Ayat** mempunyai **isi usulan** yang sama, sekiranya dan hanya sekiranya, ia mempunyai **syarat kebenaran** yang sama” (terjemahan oleh Dr. Zahrah Ghaffur). Bincangkan prinsip ini dengan contoh-contoh yang sesuai.
7. Apakah sumbangan **Katz-Fodor (1963)** dan **Richard Montague (1974)** kepada **teori makna-ayat**? Sejauhmanakah teori-teori tersebut berjaya dalam percubaan bagi memformalisasikan struktur semantik sesuatu bahasa dalam rangka kerja transformasi-generatif Chomsky dan bukan transformasi – generatif Chomsky?

[25 markah]

BAHAGIAN D

8. Apakah ketiga-tiga komponen utama **deiksis**? Terangkan bagaimana ia dinyatakan, apakah yang ia sampaikan, dan apakah konfiguratif yang tidak bertanda deiksis tersebut, iaitu **pusat deiksis**.
9. **Lakuan bahasa tidak langsung** menimbulkan masalah serius bagi teori pragmatik. Mengapakah ianya demikian? Bincangkan dengan contoh-contoh.
10. Bagaimanakah pengajian tentang **teori kesopanan** dan isu-isu yang berkaitan boleh menyumbang kepada suatu teori sosiopragmatik?

[25 markah]